

19/07/1998

Jangan tiru media Barat (HL)

Zainudin Isa

BANGI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, akhbar tempatan tidak perlu meniru cara media Barat dalam membuat laporan berita sehingga tidak mengambil kira kesannya terhadap masyarakat.

Perdana Menteri berkata, pada masa ini akhbar di Barat lebih cenderung menarik minat pembaca dengan apa cara sekalipun.

"Di Barat ada laporan berita dibuat tanpa mengambil kira moral dan kesannya terhadap masyarakat selain menjadikan pemberita terkenal dan akhbar itu popular.

"Banyak akhbar di Barat menumpukan berita yang menggerak nafsu manusia dengan cerita berunsur seks dan keganasan," katanya ketika berucap merasmikan Sri Utusan, kompleks percetakan terbaru Utusan Melayu (Malaysia) Berhad di sini semalam.

Menurut Dr Mahathir, tanggungjawab akhbar sangat penting kerana akhbar boleh membentuk fikiran rakyat dan pemimpin ke arah kebaikan dan keburukan.

Malah, katanya, surat khabar adalah industri yang amat penting untuk memajukan cita-cita bangsa dan pembangunan negara.

"Tanpa surat khabar, mustahil rakyat Malaysia, khususnya orang Melayu dapat dikumpul untuk bergerak cergas dalam arena politik sehinggalah mereka dapat memperjuangkan kemerdekaan.

"Selepas kemerdekaan dicapai, peranan akhbar pula ialah untuk mengisi kemerdekaan itu dan memberi galakan dan pengetahuan kepada semua pihak supaya memainkan peranan masing-masing menjayakan negara yang sudah merdeka," katanya.

Perdana Menteri berkata tidak dinafikan akhbar mempunyai kuasa untuk mempengaruhi masyarakat.

Bagaimanapun, katanya ada akhbar yang menyalahgunakan kuasa itu untuk tujuan tertentu sehingga menyebabkan peranan membina oleh akhbar hilang dan masyarakat menjadi kucar-kacir.

"Sebenarnya kita tidak perlu tiru orang lain kerana mereka (Barat) sudah maju dan perpecahan tidak akan menghancurkan negara mereka," katanya.

"Sebaliknya, sebagai sebuah negara membangun, Malaysia memerlukan usaha semua pihak untuk memajukan negara."

Dr Mahathir berkata akhbar di negara ini boleh menggunakan kuasa dan pengaruh mereka untuk membuat sesuatu yang baik bagi negara.

Katanya, kecenderungan membuat laporan yang tidak berasas hanya memburukkan imej negara.

"Kita tidak mahu negara ini melindungi berita yang benar tetapi hendaklah diimbangi dengan berita yang boleh meningkatkan imej negara," tambahnya.

Beliau berkata, akhbar tempatan mempunyai kecenderungan membuat laporan buruk mengenai negara sendiri tetapi tidak berminat membuat laporan yang serupa mengenai negara lain sedangkan negara lain mempunyai lebih banyak masalah dan perbuatan yang tidak baik.

"Sebenarnya negara lain kerap kali lebih buruk daripada kita.

"Tetapi kerana kita yang memburukkan negara kita maka ia menyebabkan kita sendiri terpedaya dan tertipu dengan laporan yang kita baca dan kita berasa kitalah yang kurang baik, bersalah dan sebagainya," katanya.

Dr Mahathir mengingatkan sebenarnya Malaysia juga negara maju yang sedang mengejar kemajuan.

Jika rakyat Malaysia berpecah belah dan mempunyai masalah dalaman,

negara tidak boleh menumpukan usaha pembangunan.

Dr Mahathir berharap dalam melatih pemberita baru, media tempatan turut memberi tumpuan terhadap tanggungjawab mereka kepada masyarakat.

(END)